

Transformasi Minda Warga FELDA Anda Berhak Hebat

Editor:

Angzzas Sari Mohd Kassim¹, Amir Aris²,
Mohd Fairus Abd Majid³

Email:

angzzas@uthm.edu.my¹,
amir.aris@utem.edu.my², fairus@uum.edu.my³

Abstrak: Buku ini merupakan hasil karya inspirasi daripada pasukan jurulatih Neuro Linguistic Programming (NLP) terbaik di Malaysia yang bersama-sama memacu perubahan minda dan semangat warga FELDA. Melalui program transformasi yang bermula sejak tahun 2020 hingga 2024, karya ini membawakan kisah revolusi yang mengubah cara berfikir, bertindak, dan mencapai kejayaan sehingga ke tahap Fortune 500 tahun 2040.

Di dalamnya, anda akan menemui pelbagai kisah inspirasi, strategi berkesan, dan teknik NLP yang telah berjaya diaplikasikan untuk meningkatkan daya saing komuniti FELDA. Buku ini bukan sahaja koleksi motivasi malah ia merupakan panduan praktikal bagaimana menerapkan semangat daya tahan, keberanian, dan kesungguhan warga FELDA untuk melangkah lebih jauh.

Dari asas potensi diri hingga ke pencapaian luar biasa seperti 30 tan hasil dan program WAKAF, setiap bab menyentuh pelbagai aspek kehidupan, kerjaya, dan pembangunan diri. Ditulis oleh pelbagai tokoh dan jurulatih NLP berpengalaman, buku ini menjadi sumber rujukan yang wajib dimiliki oleh sesiapa sahaja yang ingin mengubah hidup mereka menjadi lebih hebat.

Ayuh, mari bina masa depan yang lebih cerah dan kehidupan yang lebih bermakna bersama semangat juang warga FELDA. Anda juga berhak hebat!

Kata Kunci: Neuro Linguistic Programming, transformasi minda, komuniti FELDA, pembangunan diri, strategi kejayaan

Transformasi Minda

Warga FELDA


Anda Berhak Hebat



Transformasi Minda

Warga FELDA *Anda Berhak Hebat*

Editor
Angzzas Sari Mohd Kassim
Amir Aris
Mohd Fairus Abd Majid




**Penerbit
UTM**

Transformasi Minda

Warga FELDA *Anda Berhak Hebat*

Transformasi Minda

Warga FELDA *Anda Berhak Hebat*

Editor
Angzzas Sari Mohd Kassim
Amir Aris
Mohd Fairus Abd Majid


Penerbit
UTHM
2025

*Kata penafian / Disclaimer

Buku ini ditulis berdasarkan pengalaman dan renungan peribadi penulis. Pandangan yang dinyatakan di sini adalah pandangan penulis sendiri dan tidak mewakili pendirian rasmi atau pengesahan oleh pihak atau organisasi lain. Maklumat dan pendapat yang disampaikan dalam buku ini adalah tepat dan relevan setakat pengetahuan pada waktu penulisan. Walau bagaimanapun, pengetahuan dan perspektif berkembang, dan apa yang benar atau diterima pada hari ini mungkin dikaji semula atau dibuktikan tidak benar pada masa akan datang. Pembaca harus mempertimbang konteks ketika menggunakan kandungan buku ini. Buku ini bertujuan untuk berkongsi perjalanan dan aspirasi penulis dan tidak sepatutnya dianggap sebagai nasihat atau panduan yang muktamad.

©Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Senarai Editor:
Angzzas Kassim Mohd Kassim
Amir Aris
Mohd Fairus Abd Majid
Aswandi Yaakob
Norinsan Kamil Othman

Diterbitkan oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
Tel: 07-453 8529/ 8698

Dicetak oleh:
Reka Cetak Sdn Bhd
No.14, Jln Jemuju Empat 16/13D,
Seksyen 16,
40200 Shah Alam, Selangor.
Tel: 03-5510 4254

Laman Web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah ahli
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-172-8

Kandungan

| | | |
|--------------------------|---|--------------|
| <i>Kata-kata Aluan</i> | <i>Transformasi Minda Warga FELDA</i> <i>Tan Sri Idris Jusoh</i> | <i>xi</i> |
| <i>Prakata</i> | <i>Prof. Madya Dr. Angzzas Sari Mohd</i> <i>Kassim</i> <i>(Ketua Editor)</i> | <i>xv</i> |
| <i>Kata Pengantar I</i> | <i>Datuk Abd. Halim Jusoh</i> <i>(Ketua Program)</i> | <i>xix</i> |
| <i>Kata Pengantar II</i> | <i>Coach Jasmi Bahrim</i> <i>(Ketua Jurulatih)</i> | <i>xxiii</i> |
| Inspirasi 1 | Di Sebalik Merahnya Tandan Jasmi Bahrim One Nur Mind Consultant | 1 |
| Inspirasi 2 | FELDA Lombong Emas Amir Aris Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) | 13 |
| Inspirasi 3 | 9 Ramuan, Resepi Terindah Norrul Izuhan Shafri Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) | 31 |
| Inspirasi 4 | Mengapa aku di sini? Mohd Radzif Abd Hamid Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) | 43 |
| Inspirasi 5 | Buah Relai Memaknai Kehidupan Roslan Mansor Konsultan Latihan | 53 |

| | | |
|------------------|--|-----|
| Inspirasi 6 | Dah Tak Ada Duit Raya, Kena Sedekah Pula Aswandi Yaakob Politeknik Seberang Perai | 73 |
| Inspirasi 7 | Belum Habis Infaq, Dah Kena Waqaf? Norinsan Kamil Othman Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) | 83 |
| Inspirasi 8 | Kami Warga FELDA yang Hebat Ahmad Termizi Ab Aziz Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) | 97 |
| Inspirasi 9 | Asah Potensi Diri Mohd Fairus Abd Majid Universiti Utara Malaysia (UUM) | 111 |
| Inspirasi 10 | 30 Tan Hasil: Mimpi Bersulam Realiti Muhammad Azrul Hazerin Razak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) | 121 |
| Inspirasi 11 | Ingin Aku Jadi Seperti Dia Mohd Shaari Abd Rahman Universiti Malaysia Terengganu (UMT) | 133 |
| Inspirasi 12 | Nakhoda Bahtera, Mutiara Negara Angzzas Sari Mohd Kassim Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) | 143 |
| Apa Kata Mereka? | Kamasri Mamat Nik Hasrul Mohd Zainudin Zul Amri Ibrahim | 165 |
| Pengurusan FELDA | | |

| | | |
|--------------------------|---|-----|
| Apa Kata Mereka? | Wilayah 1 Alor Setar Wilayah 2 Gua Musang Wilayah 3 Kuantan Wilayah 4 Jengka Wilayah 5 Johor Bahru Wilayah 6 Mempaga Wilayah 7 Raja Alias Wilayah 8 Sahabat Wilayah 9 Segamat Wilayah 10 Terengganu Wilayah 11 Trolak | 177 |
| Petugas & Peneroka FELDA | | |
| Biografi Penulis | | 229 |

Kata Alu-Aluan

Transformasi Minda Warga FELDA

Kejayaan Dalam Keberkatan



Tan Sri Idris Jusoh
Mantan Pengerusi FELDA

Jawatan Pengerusi FELDA yang diamanahkan kepada saya pada Mei 2020, adalah satu tanggungjawab yang besar. Satu amanah untuk mengembalikan kecemerlangan dan kegemilangan FELDA. FELDA adalah sebuah Mutiara Negara. Di tahun 1980-an FELDA berjaya membayar hutang Bank Dunia lebih awal daripada jadual.

Tetapi di awal 2020, FELDA dilanda pelbagai isu. Hutang jangka masa panjang FELDA meningkat hingga RM10.6 billion dan defisit semasa adalah sebanyak RM1.3 billion. Isu Pengurusan dan Pewarisan tanah berterusan.

FELDA memerlukan perubahan.
Sememangnya FELDA berpotensi.
FELDA adalah Lombong Emas.

Saya percaya bahawa FELDA boleh berubah. *You are what you think you are. What you focus on will expand.*

Peneroka yang mempunyai 10 ekar tanah, peneroka tidak boleh jadi miskin. Moto pertama penubuhan FELDA pada 1956 ialah: *No need to be poor.*

Saya juga sedar bahawa kaedah NLP boleh membantu saya untuk membuat perubahan minda peneroka dan juga petugas - petugas. Banyak ayat - ayat Al-Quran yang menyentuh tentang kejadian manusia yang bermula dengan pendengaran, penglihatan dan perasaan (as-samaq, al-absor dan al-afidah), inilah asas NLP.

Model NLP MIDAH menjadi asas di dalam proses Transformasi Minda FELDA 2040.

MATLAMAT perlu jelas.

Ada **MODEL** kecemerlangan.

Sentiasa **FOKUS**.

Kita mempunyai **SUMBER** yang mencukupi.

Sentiasa **FLEKSIBEL** dalam melaksana.

PETA bukan kawasan/ sempadan.

Tiada kegagalan, hanya **MAKLUM BALAS**.

Midah Main Futsal, Semua Famili, Pun, Marah.

Ini dimurnikan pula dengan kesedaran **DERIA** dan **HUBUNGAN MESRA (Rapport)**.

FELDA MAN (ORANG FELDA) adalah warga FELDA yang berfikir, merancang dan melaksanakan dengan **9 tonggak** di atas.

Alhamdulillah, peneroka telah bertukar budaya dengan amalan budaya Pemberi. Kutipan program **Sedekah 300** sebanyak RM9.9 juta pada tahun ianya dilancarkan adalah bukti. Tabung **Wakaf** pula telah meningkat ke angka RM30 juta dan terus meningkat lagi.

Moral petugas terus meningkat.

Pengurusan menjadi semakin baik.

Hasil peneroka sudah ada yang mencecah 30 tan per hektar.
Program digitalisasi adalah hasil penggunaan teknologi.

Terima kasih kepada Md Taib Mat dari Akademi NLP Malaysia (ANLPM) yang memperkenalkan saya kepada NLP. Terima kasih juga kepada kawan-kawan: Datuk Halim, Cikgu Jasmi, PM Dr. Angzzas, Dr. Amir, Coach Izuhan, Coach Radzif, Coach Cr. Roslan, Coach Aswandi, Prof. Dr. Norinsan, Coach Termizi, Coach Haji Fairus, Coach Azrul dan Dr. Shaari. Kawan-kawan yang telah mengorbankan masa cuti mingguan untuk warga FELDA dan bertugas dengan seikhlas hati.

Tidak ketinggalan terima kasih kepada Pengurusan, Dato Amiruddin, En. Rafizi, En. Kamasri dan Dr. Nik Hasrul. Juga kepada pihak peneroka En. Sulong, Pn Aziziah, En. Fakrulrazi dan En. Fadzli.

Terima Kasih Profesor Madya Dr. Angzzas yang sudi menyelaras dan menyusun buku ini.

Dengan latihan kepada lebih 3000 orang petugas dan 9,000 orang warga komuniti, saya berani mengatakan bahawa FELDA adalah satu organisasi yang terbesar di dunia dalam menggunakan kaedah NLP untuk mengubah pemikiran warganya.

Kami Datang untuk Jadi Orang Hebat
Kami Datang untuk Jadi Orang Hebat
Kami Datang untuk Jadi
Jadi untuk Datang
Kami Datang untuk Jadi Orang Hebat
HEBAT!!!

Kerjasama inilah yang membawa kepada kejayaan.
KEJAYAAN dalam KEBERKATAN.
Insyallah.

PAGI!!! PAGI!!! PAGI!!!

Idris Jusoh

xiii

Prakata

Alhamdulillah... Alhamdulillah... Alhamdulillah

Dengan penuh bangga dan syukur yang mendalam, saya menyampaikan kata penghargaan untuk buku ini. Sebuah karya yang dihasilkan oleh pasukan jurulatih *Neuro-Linguistic Programming* (NLP) yang terbesar dan terbaik di Malaysia untuk **Program Transformasi Minda Warga FELDA: Anda Berhak Hebat Fortune 500 (2040)**.

Perjalanan program yang bermula sejak tahun 2020 dan berakhir pada Januari 2024 ini, bukanlah program biasa. Ia merupakan sebuah kisah revolusi dalam mengubah dan menaik-taraf pemikiran komuniti dan korporat menuju puncak *Fortune 500* warga FELDA pada tahun 2040.

Pertama dan terutamanya, izinkan saya menyampaikan rasa terima kasih yang mendalam kepada pengurusan tertinggi FELDA, yang telah memberikan kepercayaan dan kesempatan kepada kami sebagai pelatih NLP selama 5 tahun ini. Sokongan anda adalah kunci yang memungkinkan program ini berkembang dan menghasilkan perubahan signifikan dalam cara warga FELDA berfikir dan bertindak. Anda telah menyediakan platform dan membuka pintu bagi banyak individu serta unit dalam organisasi anda untuk melakukan transformasi, bergelumang dengan usaha perjuangan dan merasai nikmat manisnya kejayaan.

Keduanya, kepada warga FELDA yang telah bersama kami selama ini. Terima kasih paling syahdu kerana telah mengizinkan kami berkongsi dan menjadi sebahagian daripada kisah hidup anda. Terhasilnya buku ini adalah kerana sokongan padu, perkongsian ikhlas dan usaha gigih anda sendiri dalam mempraktikkan apa yang telah kami kongsi. Tidak perlu lakukan semua, asal jangan tinggalkan semua. Anda telah tunjukkan di mana ada kemahuan, di situ ada jalan dan niat-matlamat yang utuh (*Big WHY*) dan konsistensi adalah rahsianya. Izinkan kami untuk mengabadikan

kisah anda di dalam buku ini dan menjadi rujukan kepada mereka yang ingin lakukan perubahan dan kecapai kejayaan dalam hidup mereka juga.

Kepada sahabat para pelatih NLP, anda adalah intipati buku ini. Dengan pengetahuan dan dedikasi anda, segala yang dirancang melalui prinsip-prinsip NLP telah disulam dengan baiknya, menjadi strategi yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian komuniti dan dalam dunia korporat. Saya, secara peribadi menyaksikan sendiri, bagaimana anda semua memberikan lebih daripada apa yang diminta. Kasih sayang yang anda pamerkan dapat dirasai ikhlas dari sanubari. Penghargaan yang tak terhingga kepada anda semua atas kerjasama dan komitmen yang tidak kenal lelah. Moga ia mengesani ramai di luar sana dan menjadi saham bersama kita 'di sana' nanti. Insya-Allah.

Saya ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan kepada Tn. Hj. Md Taib Mat di atas panduan dan tunjuk ajar berkaitan ilmu NLP yang cukup luar biasa. Saya yakin benih-benih ilmu beliau telah berkembang mekar ke seluruh Malaysia dan dunia asbab perkongsian beliau.

Terima kasih kepada UTHM, tempat saya mencurahkan khidmat, kerana telah memilih saya antara barisan staf yang bertuah melalui proses pembangunan diri ini.

Tentunya, ini semua adalah mustahil tanpa visionari Tan Sri Idris Jusoh yang percaya, asas kepada perubahan adalah set-minda yang lebih baik dan perlu dipandu oleh satu kaedah yang mampan untuk memudahcarakan transformasi. Kerana semua insan ini, saya amat bersyukur pada Illahi.

Akhir sekali, kepada para pembaca kami, terima kasih atas masa dan kepercayaan anda kepada kami. Semoga buku ini menjadi panduan yang berharga dalam perjalanan transformasi anda juga. Jadikan ia rujukan berfokus dan garisilah strategi dengan teliti, dan melangkahlah menuju kejayaan yang diimpikan, disertai makna kehidupan yang lebih bererti.

Sebagai penutup, marilah kita teruskan perjalanan di dunia ini dengan semangat yang tidak pernah pudar untuk kehidupan abadi nanti. Terus berfikir untuk menambah-baik diri dan apa sahaja yang dipertanggungjawabkan kepada kita (konsep khalifah). Terus bijaksana menggunakan segala sumber serta ilmu yang telah Tuhan titipkan kepada kita. Terus lakukan manfaat kepada ciptaan Tuhan yang lain juga. Mari, kita bina masa depan yang lebih bahagia dan lebih cemerlang, dalam limpahan kurnia keberkatan-Nya sepanjang hayat.

Semesti, Anda berhak hebat!

Ketua Editor



Dr. Anggras Kassim

Kata Pengantar I



Datuk Abd. Halim Jusoh
Ketua Program

Pada tahun 2020, saya menerima cadangan daripada pihak FELDA untuk menyediakan program NLP kepada warganya bagi mentransformasi FELDA secara keseluruhannya. Pada waktu itu, saya difahamkan bahawa warga FELDA terdiri daripada petugas dan komuniti. FELDA mempunyai gugusan 11 wilayah yang terkandung 317 rancangan di dalamnya. Komuniti FELDA terdiri daripada persatuan iaitu JKRR, GPW, KAF dan MBFM. Manakala, Petugas FELDA pula ada yang bertugas di wilayah, dan ada juga di Menara (Ibu Pejabat FELDA). Pada masa yang sama FELDA berhasrat untuk melahirkan pelatih dan jurulatih NLP dalam kalangan warga FELDA sendiri untuk memastikan kelestarian transformasi. Bilangan sasaran peserta untuk diterapkan ilmu NLP pada tahun pertama adalah seramai 3000 orang dalam kalangan komuniti dan semua petugas di Menara FELDA.

Pelbagai label dan tajuk diberikan kepada program yang bakal dijalankan ini. Antaranya Program NLP, Program Anda Berhak Hebat dan Program Transformasi Minda FELDA, FELDA Fortune 500, 2040. Walau apapun tajuknya, program ini adalah salah satu usaha untuk mencapai wawasan jangka masa panjang iaitu 20 tahun yang akan datang. Asasnya, program ini adalah kaedah bagi melakukan transformasi minda yang bersedia untuk berubah, dan membawa FELDA merealisasikan model baharu, serta menjadi sebuah syarikat yang tersenarai dalam Fortune 500 pada tahun 2040. Penanda arasnya adalah FELDA berjaya mengatasi PETRONAS (FELDA bakal memiliki menara kembar 3 pada tahun 2040).

Apabila saya diberi mandat dan penjelasan ini, dengan mudah saya menerima amanah yang diberikan kerana saya berpengalaman menguruskan Projek NLP dalam pelbagai sesi seperti melatih jurulatih melaksanakan Program Pengamal Asas NLP untuk pensyarah kolej komuniti seluruh Malaysia dan Program Anda Berhak Hebat di Parlimen Besut. Alhamdulillah, setiap program mendapat maklum balas yang memberangsangkan.

Saya dapat membayangkan program yang bakal saya uruskan ini adalah program Anda Berhak Hebat atau NLP untuk komuniti. Bakal jurulatih NLP yang akan terlibat mula saya senaraikan. Saya juga merancang cara terbaik untuk memulakan program ini agar pasukan yang saya bangunkan ini benar-benar menjadi pemangkin kepada Transformasi FELDA 2040 nanti.

Rasminya, program ini dinamakan **Program Anda Berhak Hebat FELDA Fortune 500 2040**. Jurulatih NLP yang dilantik diamanahkan untuk; 1) kongsi modul asas NLP bersesuaian dengan objektif yang FELDA ingin dicapai. 2) bantu menyampaikan model baharu FELDA kepada peserta-peserta yang hadir.

Saya mula menjejak rakan-rakan NLP untuk bersama membina kerangka program yang mantap. Dua sahabat jurulatih yang mula saya libatkan ialah Coach Jasmi Bahrim dan Coach Dr. Amir Aris.

Perjumpaan pertama kami adalah di Melaka. Antara perkara utama yang kami bincangkan adalah pengisian modul, bilangan dan kriteria jurulatih yang diperlukan. Keberadaan jurulatih yang dipilih juga penting untuk memudahkan logistik penyampaian ke seluruh wilayah FELDA di Utara, Selatan, Timur, Barat dan Tengah Semenanjung Malaysia. Kami juga memutuskan program pertama adalah kepada MBFM di Hotel Tenera, Bangi.

Selepas itu, bermulalah perbincangan dengan Pengurusan dan pegawai-pegawai FELDA yang terlibat. Alhamdulillah, profesionalisme dan kerjasama dengan baik dapat dirasakan. Selepas mendapat persetujuan dari Pengerusi FELDA, maka bermulalah secara rasminya proses perolehan, lantikan jurulatih, penyediaan modul dan susun atur jadual program dengan wilayah dan sumber manusia FELDA. Ianya merupakan proses yang panjang, teliti dan terperinci.

Selepas program pertama bersama kepimpinan MBFM di Hotel Tenera, Bangi dilaksanakan, program di wilayah FELDA pula dijalankan pada tahun 2020 dan dimulai oleh Wilayah Raja Alias bersama Jurulatih Jasmi Bahrim dan Jurulatih Dr. Amir Aris.

Siri Program Anda Berhak Hebat FELDA Fortune 500, 2040 ini telah berjaya dilaksanakan di semua wilayah dan Menara FELDA. Siri komuniti bilangan peserta semakin meningkat setiap tahun sehingga sejumlah 9188 orang warga FELDA berjaya diterapkan dengan ilmu NLP. Keadaan yang sama juga dilihat bagi Siri Petugas di Menara.

| Tahun | Bilangan Sesi | Bilangan Peserta |
|---------------------|----------------------|-------------------------|
| 2020 | 19 | 1472 orang |
| 2021 | 29 | 1952 orang |
| 2022 | 31 | 2286 orang |
| 2023 | 34 | 3478 orang |
| Jumlah Besar | 113 Sesi | 9188 orang |

Sebagai Ketua Program, saya amat bersyukur mempunyai pasukan jurulatih yang bersemangat dan komited. Jurulatih telah mengorbankan hujung minggu mereka selama 4 tahun untuk memastikan program transformasi minda FELDA ini tercapai objektifnya. Ini bukanlah tempoh masa yang sekejap. Komitmen penuh diberi dengan konsistensi dan dedikasi sepanjang tempoh ini.

Terima kasih kepada semua jurulatih serta fasilitator FELDA dari Ibu pejabat dan juga wilayah atas kebersamaan ini. Saya juga bersyukur dan berterima kasih kepada ketua-ketua PTJ tempat jurulatih bertugas yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan program mega NLP yang pertama dan seumpama ini di dunia.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan terima kasih kepada Pengerusi FELDA (2020-2023) YBhg. Tan Sri Idris Jusoh, Pengarah Besar FELDA, Timbalan-Timbalan Pengarah Besar FELDA, Pengarah Pengurusan Modal Insan, Pengarah Pembangunan Komuniti dan Generasi, Pengarah Perolehan, Pengarah-Pengarah Wilayah, Pengurus Rancangan, Pengetua ISEF, semua petugas FELDA dan kepimpinan JKPP, GPW, KAF dan MBFM di semua peringkat. Kepercayaan yang anda berikan telah kami galas sebaiknya. Tahniah FELDA! Ini merupakan kursus NLP terbesar kepada Komuniti yang bilangan pesertanya terbesar untuk 1 program di Malaysia dan mungkin di dunia. Moga FELDA terus cemerlang di masa hadapan.

Sekian,

Halim Jusoh

Ketua Program

Anda Berhak Hebat FELDA Fortune 500, 2040

Kata Pengantar II



Coach Jasmi Bahrim
Ketua Jurulatih

Sebaik sahaja menerima amanah untuk melaksanakan **Program SAnda Berhak Hebat (ABH) bagi warga FELDA**, saya sebagai ketua jurulatih FELDA merasakan getaran seluruh anggota badan untuk menerima harapan yang menggunung. Sebagai persiapan, kami menyusun senarai nama jurulatih yang bakal memikul amanah besar ini dengan cermat mengikut kepakaran dan kewibawaan masing-masing.

Yang kedua, kami mengidentifikasi matlamat dan tujuan program ini dilaksanakan dan ketiga, memastikan bahawa setiap sesi dirancang memberikan impak positif jangka pendek untuk segera dirasai dan panjang agar lestari kepada setiap peserta dan organisasi FELDA khususnya. Kami juga mahu setiap peserta mendapatkan pengalaman yang bermakna dan relevan dalam proses persediaan perubahan minda menghadapi cabaran kehidupan yang mendatang dalam membangunkan FELDA setanding dengan organisasi ternama yang lain.

Begitu banyak dinamika perbincangan bersama jurulatih seramai 12 orang ini, persiapan, pembahasan strategi, dan penyusunan jadual yang dapat memenuhi pelbagai tingkatan pemahaman. Semua ini adalah langkah awal dalam perjalanan kami untuk membentuk keberhasilan program.

Alhamdulillah, dengan motto **'KEJAYAAN DALAM KEBERKATAN'** dan **'FELDA LOMBONG EMAS'**, tiga siri program berjaya dilaksanakan iaitu **ABH untuk Komuniti FELDA**, **ABH Petugas Wilayah FELDA** dan **ABH Petugas Menara FELDA**.

Melalui buku ini, kami terjemah dan abadikan pengalaman, pelajaran berharga kami serta perjalanan kami penuh semangat bersama-sama sebagai pasukan jurulatih. Semua ini tidak mungkin tercapai tanpa dedikasi dan semangat kerja keras dari setiap anggota pasukan.

Terima kasih kepada pasukan jurulatih atas kerjasama, pengorbanan dan komitmen yang paling tinggi untuk mencipta perubahan positif dalam kalangan peserta.

Kami dapat rasakan seluruh jiwa raga, telah menjadi sebahagian daripada denyut nadi FELDA yang tidak dapat dipisahkan.

Mari kita bersama-sama melihat masa depan yang penuh harapan untuk FELDA, di mana setiap individu dapat tumbuh dan berkembang untuk mencapai potensi maksima mereka.

Terima kasih kepada Mantan Pengerusi FELDA Tan Sri Idris Jusoh atas kepercayaan kepada kami dan sentiasa bersama dalam perjalanan ini. Mari bersama-sama menjadikan FELDA sebagai organisasi yang kuat dan berdaya saing di peringkat global.

Semoga buku ini tidak hanya menjadi kumpulan kisah, tetapi juga pendorong semangat dan motivasi bagi setiap individu terutama generasi baru FELDA menanamkan rasa syukur, bangga dengan pencapaian kejayaan FELDA.

Tahniah kepada semua peserta FELDA yang luar biasa dan kepada anda yang membaca coretan ini, kerana kita bersama-sama membentuk masa depan yang lebih baik untuk generasi FELDA di seluruh negara.

Salam hormat,

Jasmi Bahrin
Ketua Jurulatih Program

Inspirasi 01

Di Sebalik Merahnya Tandan

Jasmi Bahrim

Tahun 2020 merupakan sejarah dalam hidup, untuk pertama kali dapat menjejakkan kaki di Menara FELDA tingkat 50. Ini merupakan impian yang tidak pernah aku fikirkan dalam benak fikiran. Menara pencakar langit 50 tingkat yang gagah berdiri di tengah bandaraya apatah lagi bersebelahan dengan Menara Berkembar Petronas yang merupakan bangunan ikonik negara. Dari tetitkap menara tingkat 50 ini kelihatan panorama menakjubkan dengan pemandangan cakerawala bandar yang moden. Menara ini adalah salah satu mercu tanda penting di ibu negara Malaysia. Bagiku ianya mewakili setiap satu tandan sawit dan setiap titis peluh yang mengalir daripada tubuh insan yang bernama peneroka.

‘Terfikir tak cikgu, satu hari nanti cikgu akan berada di aras ini bersama orang nombor satu FELDA iaitu Tan Sri Idris Jusoh’ kata seorang insan bergelar Sifu.

Mendengar soalan ini, mahu sahaja air mata ini menitis tanpa segan silu, tanpa dipaksa.

“Ya, macam mimpi berada di sini apatah lagi diberi penghormatan bersama Pengerusi FELDA. Diberi ruang dan peluang berada di bilik



Inspirasi 02

FELDA Lombong Emas Mutiara Negara

Amir Aris

Tak Kenal Maka Tak Cinta

Telah lebih sedekad yang lalu, bagaimana segalanya bermula. “En. Amir, saya Azrul. Boleh datang ke pejabat kami di Menara FELDA minggu depan hari rabu jam 10 pagi?” “Insyallah” jawabku. Inilah kali pertama aku dihubungi pihak FELDA. Soalan yang menjadi persoalan adalah di mana Menara FELDA?



Persoalan ini ternyata menunjukkan bahawa FELDA tiada dalam kamus hidupku sebelum ini. Asing dan jauh. Hanya tahu FELDA ada rumah papan bertangga di hadapan tetapi bersambung di belakangnya rumah batu yang cantik sebab pakcik duduk di FELDA Keratong 8, Pahang. Selalu ziarah raya ke sana. Memori tentang FELDA berkisar hanya disitu.

Aku google di mana Menara FELDA, ditunjukkan lokasinya. Megah berdiri di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur. Dekat benar dengan KLCC. Celaru sementara antara rumah papan bertangga dengan bangunan mencakar langit yang indah. “FELDA ini besar, hebat” hatiku berbicara.

Hari ini hari kejadiannya. Aku berdiri di ruang legar Menara FELDA. Tergamam seketika. Suasana eksekutif dan berkelas.

Inspirasi 03

9 Ramuan, Resepi Terindah

Norrul Izuhan Shafri

"If there's a recipe for success in life, it starts with picking the right ingredients"

- unknown -

Alhamdulillah, cuaca pagi ini sangat menyenangkan, udara yang menghempas ke pipi aku sepertinya sedikit dingin berbanding dengan hari sebelumnya. Aku menarik nafas sedalam-dalamnya, mencari kepuasan dan mengumpulkan semangat pagi yang ceria, bersemangat dan positif. Aku hadiahkan senyuman bersendirian, rasa puas bersulamkan syukur kepada Illahi kerana masih dikurniakan kesempatan untuk meneruskan hari-hari yang mendatang. Rasa dingin dan nyaman ini barangkali disebabkan hujan yang turun sepanjang malam. Ada kalanya renyai-renyai, berubah menjadi semakin lebat. Guruh dan angin kencang saling menyapa. Seakan menjadi selimut hangatku, memujuk mimpi-mimpi indah hadir dalam tidurku.

Pagi ini, aku labuhkan punggung di kerusi meja makan. Disajikan secawan kopi O dan dua biji donut bersalut gula *icing*. Menu sarapan pagi pilihan anak-anak yang sedang menghabiskan cuti sekolah di rumah. Melompat riang anak-anak sambil memeluk bondanya. "Emmm, sedapnya!" jerit hatiku sambil memejamkan mata menghayati rasanya. Gigitan pertama donut yang disediakan menyebabkan aku terfikir "Ramuan apakah yang menjadikan donat ini begitu lembut, gebu?" rasa lazatnya membuai diriku tanpa aku sedar kunyahan ini adalah kunyahan untuk ketulan donat entah yang ke berapa biji. Hatiku terdetik seketika, pasti ada

Inspirasi 04

Mengapa Aku Di Sini?

Mohd. Radzif Abd. Hamid

Sinar mentari memancar dengan terang, menerangi setiap sudut ruangan yang dihuni oleh sekelompok individu yang bersemangat. Di dalam bengkel yang dipenuhi dengan watak peneroka yang penuh berwarna warni itu, seorang fasilitator menarik perhatian peserta dengan kata-kata pertamanya yang penuh misteri, "Kenapa kita berada di sini pada hari ini?" Diam seketika, bagaikan masa berhenti seketika untuk memberi peluang kepada mereka merenung dan menyerap persoalan.

Beberapa peserta segera menulis alasan mereka dengan penuh yakin, sementara yang lain diam dalam kebingungan mencari jawapan yang tepat. Namun, terdapat juga yang duduk dengan sikap serius, merapatkan tangan mereka di depan dada sambil memandang kosong ke hadapan, mencari secebis petunjuk untuk menjawab soalan tersebut. Seperti Nujum Pak Belalang yang menilik lembu dan kambing milik orang kampung yang hilang dengan penuh keyakinan di dalam geluk jampi tembaga kesayangannya. Tanpa diduga, seseorang menunjukkan ekspresi bercampur antara kekeliruan dan kegembiraan. Seorang peserta muda kelihatan bingung sambil cuba merenung sebab kedatangannya. Namun tawa di wajahnya tidak dapat dibendung. Rupa-rupanya alasan yang diutarakan oleh segelintir peserta kedengaran sangat melucukan baginya sehingga tidak dapat menahan tawanya yang begitu kuat. Beberapa peserta terdengar tertahan tawa ketika membandingkan jawapan mereka. Gelak tawa mencuit bibir segelintir peserta ketika membandingkan

Inspirasi 05

Buah Relai Memaknai Kehidupan

Roslan Mansor



Alhamdulillah, aku bersyukur masih lagi bernafas dan diberi peluang untuk terus hidup bagi menabur bakti sebelum aku dijemput kembali dalam keadaan Husnul Khotimah oleh Allah SWT. Aku sebagai Jurulatih NLP

(*Neuro-Linguistic Programming*) serta agen perubahan, bertanggungjawab sepenuhnya kepada transformasi sumber manusia dalam berdepan dengan alaf VUCA (*Volatility, Uncertainty, Complexity, Ambiguity*) iaitu kemaruawapan, ketidakpastian, kerumitan dan kesamaran yang sangat mencabar ini. Dalam kehidupan seharian banyak sekali perkara di luar jangkauan yang berlaku. Ada perkara yang kita boleh kawal dan sebaliknya ada perkara di luar kemampuan kawalan kita. Namun ianya semua tertakluk dengan kuasa, kehendak dan perancangan Allah SWT. Kepercayaan yang betul ini amat penting dipasakkan (*anchoring*) dalam minda sedar (*conscious mind*) dan langsung terpahat di minda bawah sedar (*unconscious mind*) kita. Usaha dan ikhtiar adalah terpulang kepada tanggungjawab diri kita sendiri sebagai kuasa penentu dalam membuat pilihan dan keputusan dan ianya terjadi **dengan izin Allah SWT.**

Inspirasi 06

Dah Tak Ada Duit Raya, Kena Sedekah Pula

Aswandi Yaakob

Aku menjadi begitu teruja apabila dijemput berkongsi ilmu berkaitan NLP dengan peneroka FELDA wilayah Trolak bersama Coach Hj Fairus. Lokasinya ialah di Heritage Hotel, Tanah Rata, Cameron Highland, Pahang. Antara peserta yang menyertai Program NLP Anda Berhak Hebat kali ini ialah ketua peneroka kebangsaan sendiri iaitu Tuan Sulong Jamil. Wow! Teruja aku. Aku masih terngiang-ngiang di kepala saat berkesempatan berbual di meja makan bersama Tuan Sulong tentang perkara ini **"Mohon bantuan duit raya dari kerajaan."** Turut sama ketika itu ialah Hj Fairus. Tuan Sulong menarik nafas dalam-dalam bagi mendapatkan rasa tenang sebelum meneruskan bicaranya. Dia mengulang kembali dialog pertanyaannya kepada YAB Tan Sri Muhyidin Yasin, Perdana Menteri masa itu. Katanya; Tan Sri, bagaimana dengan bantuan duit raya untuk warga FELDA pada tahun ini? Apakah warga FELDA akan menerima bantuan sebagaimana tahun-tahun sebelumnya? Dengan nada perlahan tetapi jelas dan tegas Tan Sri berkata "cukup-cukup lah tu, dah lama kerajaan berikan bantuan untuk warga FELDA. Dari mula FELDA ditubuhkan hingga sekarang dah lebih 30 tahun kerajaan bagi bantuan. Tak kan sekarang ni nak kena bantu lagi... Kampung tradisional lain pun kita tak pernah bantu macam kita bantu FELDA sekarang." Sebaik mendengar kata-kata itu dari Tan Sri, Tuan Sulong kata dia jadi malu untuk terus meminta. Aku terkedu mendengarnya.

Inspirasi 07

Belum Habis Infaq, Dah Kena Wakaf???

Norinsan Kamil Othman

“**B**elum habis lagi derma RM300, waqaf tunai RM500 pula?” Inilah keluh kesah peserta FELDA dalam Anda Berhak Hebat 1.0 apabila Pengerusi FELDA ketika itu, Dato’ Seri Haji Idris Jusoh memperkenalkan Waqaf FELDA. “Apalagi Pengerusi mahukan pada kita?” keluh salah seorang peserta warga FELDA yang tidak puas hati.

Suasana di dalam dewan seminar hangat dengan komen - komen ‘panas’ yang tidak berpuas hati dengan inisiatif baharu ini. Mereka merasakan baharu sahaja selesai program sedekah RM300. Kini, mata mereka tertumpu pada jurulatih yang ada dan mahukan jawapan segera. Ini menandakan bahawa mereka sedang mencari makna bagaimana inisiatif baharu ini bagus buat mereka. Angin penghawa dingin, tidak mampu meredakan kehangatan suhu yang semakin meningkat pada wajah mereka, merah. Saat ini, aku memanjatkan doa kehadiran Allah agar penjasanku ini mampu berbekas di hati mereka dan melihat lebih jauh apa yang cuba digagaskan oleh Pengerusi FELDA apabila mengumumkan inisiatif ini.

Inspirasi 08

Kami Warga FELDA yang Hebat!

Ahmad Termizi Ab Aziz

Bila sebut sahaja FELDA, aku sebagai orang luar dari komuniti FELDA, apa yang nampak di mata dan fikiran aku ialah kelapa sawit dan sekumpulan golongan orang 'lama' yang menjadi peneroka. Aku juga terbayangkan sebuah perkampungan yang jauh dari bandar dan kemudahan yang serba kekurangan. Itulah yang aku bayangkan setiap kali ternampak logo FELDA. Aku agak pasti kemungkinan besar orang lain pun fikir perkara sama sebagaimana aku fikirkan. Bukan nak 'generalisasi' perkara ini tetapi mungkin atas sebab kekangan maklumat yang aku dan orang luar dapat.

Apa yang aku ceritakan di atas secara *total* meleset apabila aku mula dilibatkan dalam Program Transformasi Minda dengan peneroka dan petugas FELDA. Semuanya berubah sekelip mata. Aku dianugerahkan ruang dan peluang oleh FELDA untuk menjadi sebahagian daripada pasukan jurulatih bagi membantu FELDA dalam mentransformasikan minda peneroka dan petugas mereka. Kali pertama terlibat dalam program FELDA ini ialah ketika hadir sama bersama jurulatih lain di Wilayah Raja Alias, Negeri Sembilan. Program NLP Komuniti pertama ini menghimpunkan semua jurulatih yang akan berkhidmat di semua wilayah FELDA seluruh Malaysia dan juga menjadi platform untuk memperkenalkan modul baharu bagi program tersebut. Walaupun aku hadir dalam tempoh sekejap, kehadiran peserta yang terdiri daripada pelbagai kalangan umur sangat mengujakan aku.

Pada awalnya bila aku melihat dari segi penampilan dan rupa paras peserta yang agak berumur, dalam hati aku berkata: "boleh

Inspirasi 09

Asah Potensi Diri

Mohd Fairus Abd Majid

“Sesungguhnya benar Kami ciptakan manusia dengan bentuk yang sebaik-baiknya.”

(Surah at-Tiin: 4)

Setiap manusia yang dilahirkan adalah insan yang hebat dan cemerlang. Terngiang-ngiang lagu iklan susu dalam televisyen yang selalu berkumandang suatu ketika dahulu, *“Sayalah permata anak kesayangan, kebanggaan ayah dan ibu, saya dibesarkan dengan kasih sayang, hanya yang terbaik untukku, menjadi harapan di masa hadapan, sayalah anak yang cemerlang”*,

Untuk menjadi orang yang hebat dan cemerlang dalam hidup ini bukanlah sesuatu yang mustahil bagi sesiapa sahaja. Ini kerana setiap orang itu mempunyai peluang untuk mengecapi kejayaan dalam hidup mereka. Ianya bergantung kepada individu itu sendiri yang menentukan bagaimana cara hidup mereka sama ada untuk menjadi orang yang berjaya ataupun tidak.

Sejak dari kecil seseorang itu telah diajar bagaimana untuk berjaya di sekolah dengan mendapat keputusan yang cemerlang dalam pelajaran, berjaya masuk ke universiti, akhirnya berjaya mendapatkan pekerjaan yang diinginkan dan banyak lagi.

Hanya diri kita yang boleh ubah nasib dan capai impian. Walaupun terpaksa secara keseorangan kita perlu kuat dan bersemangat untuk bertindak bangkit berjuang mencapainya. Pernah terfikir, apa yang menyebabkan seseorang itu berjaya? Apakah yang

Inspirasi 10

30 Tan Hasil: Mimpi Bersulam Realiti

Muhammad Azrul Hazerin Abdul Razak

Aku asyik dengan pemandangan indah di Hill Lake View Resort, Tasik Beris, Sik Kedah. Amat mendamaikan. Suasana yang menghijau ini bagaikan satu sudut dari syurga dunia yang dihadirkan untuk tatapan manusia. Semasa kecilku, tempat ini hanya hutan belantara yang dihuni Sang Raja Rimba segala fauna. Tetapi, sekarang segalanya telah berubah. Lebih indah, lebih mempersonakan. Pemandangan indah ini membuatkan aku mengelamun seketika. Mengelamun dari ruangan jendela resort mengagumi ciptaan yang Maha Esa. “Tuan, masa untuk sarapan” ujar salah seorang petugas di situ. Aku tersentak. Kalau dibiarkan, jauh lagi perjalanan minda ini menerobos ke angkasa raya. Mana tidaknya, memikirkan masa depan anak bangsa yang semakin hari semakin dekat di jiwa. Siapa mereka? Tidak lain dan tidak bukan, warga FELDA. Jujur aku katakan, sebelum ini aku tidak pernah mengenal FELDA. Aku bukan anak FELDA mahupun mempunyai saudara mara dari gugusan FELDA. Sekitar tahun 90-an, jika diimbis kembali, semasa ayahku memandu kereta pulang ke kampung halaman, kami melalui kawasan-kawasan FELDA. Aku tenung rumah-rumah kayu yang hampir seragam reka bentuknya.

“Ayah, tengok sana! Seronoknya kampung ni.” kataku kepada ayah setiap kali melalui kawasan penempatan FELDA.

Kelihatan ramai kanak-kanak seusia aku bermain dengan bebas di halaman rumah. Terdetik di hati aku ketika itu “alangkah

Inspirasi 11

Ingin Aku Jadi Seperti Dia

Mohd. Shaari Abd. Rahman

Sekembali dari satu kursus, *Neuro-linguistic Programming (NLP)* Suntut pelajar, aku yang diberikan peluang untuk beraksi, berkongsi dengan pelajar-pelajar baharu di kampus, tempat aku bertugas. Dengan semangat baharu, kemahiran baharu, aku lakukan seperti yang aku berlatih di Shah Alam. “Wow! Lain macam Dr. Shaari kali ini...” Bisik sahabatku, Zainudin Mamat, peneraju pentadbiran dalam hal ehwal pelajar (HEP). Aku sendiri ketika melakukan perkongsian ini juga mula mendapat kesedaran ada sesuatu perubahan sedang berlaku kepada diri ini. Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi.

Hari bertukar minggu, minggu bertukar bulan, bulan berganti tahun, masa berlalu dengan kehadiran peluang demi peluang untuk aku mengasah parang di tangan, biar ia terus tajam berfungsi sebaiknya ketika menebas sikap negatif agar mampu diganti dengan anjakan minda untuk berada di daerah baharu mendepani masa depan.

Itu semua berlaku sekitar tahun 2017. Persoalan yang aku sendiri tertanya-tanya ketika itu “Apakah yang menjadikan aku seperti susuk tubuh sekarang?” Aku sedar bahawa semua ini adalah dengan izin-Nya dan juga adalah hasil dari latihan demi latihan yang aku lalui melalui sesi perkongsian dengan pelbagai kelompok audiens.

Setelah 12 purnama berlalu, pada tahun 2018 sekali lagi mencipta tanda aras dalam perkembangan kemahiran penyampaian sesuatu latihan. Anda Berhak Hebat, satu kursus yang dibangunkan

Inspirasi 12

Nakhoda Bahtera, Mutiara Negara

Angzzas Sari Mohd Kassim

Prolog

Mei 2020. Aku berdiri di sebuah pelabuhan terasa seperti mimpi. Angin laut menyapa lembut wajahku membawa rasa sejuk yang mendamaikan. Di kiri dan kananku terlihat tubuh-tubuh segar sahabat seperjuangan. Masing-masing begitu teruja melihat gahnya sebuah kapal besar di hadapan kami. Tertulis di sisi badan kapal, 'FELDA'. Kapal besar ini sudah 64 tahun umurnya. Ia dibina tanggal 6 Julai 1956. Kesan pengalaman pelayaran sebelum ini terlihat benar; ada lekukan yang dalam, ada hakisan dek karat, ada pelbagai cat yang menampal lubang di badan. Namun kapal ini tetap tersergam, besar dan masih gagah mahu belayar. Persis, bahtera laksamana yang terlalu banyak kisah pengembaraannya.

Dari atas kapal terlihat satu figura *familiar*, sedang tersenyum tenang. Memakai busana putih dan bercelana khakis. Berdirinya seperti Nakhoda sebuah bahtera perang. Beliau melambai kami, seakan memberi isyarat untuk naik kapal sertai beliau dan anak-anak kapalnya. Seorang demi seorang dari kami mula mengorak langkah memanjat rapi anak tangga kapal, pastinya tersisip pelbagai rasa, mungkin juga pelbagai tanda-tanya.

Kenapa kami turut dalam pelayaran ini? Ianya jelas. Ke mana destinasi mahu dituju? Itu juga jelas. Apa amanah yang perlu kami lakukan? Itu amat jelas. Namun, untuk berjaya sampai ke destinasi yang dirancang, dengan sifatnya sebuah lautan dalam, itulah cabaran utama. Kerana lautan itu sukar diramal, mana

Transformasi Minda Warga FELDA

Anda Berhak Hebat

3. Berikut adalah ciri-ciri sifat kepimpinan UTAMA yang dielisasikan oleh penulis terhadap TSIJ sepanjang tempoh pemerhatiannya:
 - Sifat 1) Nakhoda Hebat Mendengar dan Memahami Suara Anak Kapalnya (Inklusiviti)
 - Sifat 2) Nakhoda Hebat Berani Melakar Peta Baharu (Inovatif dan Adaptif)
 - Sifat 3) Nakhoda Hebat Berikan Ilmu, Bekalkan Alat (Edukatif)
 - Sifat 4) Nakhoda Hebat Matanya Jelas Lagi Menjelaskan (Matlamat Mantap, Visionari)
 - Sifat 5) Nakhoda Hebat Seperti Rumah Api (Mentoring & Coaching)
 - Sifat 6) Nakhoda Hebat Gerakkan Tubuhnya Dahulu (Disiplin Diri & Kepunyaan Mutlak)
 - Sifat 7) Nakhoda Hebat Kompasnya Langit (Integriti dan Etika. Utamakan Barokah)

4. *Modelling* dapat membantu seseorang mencapai sesuatu kemahiran atau matlamat dengan lebih cepat.



APA KATA MEREKA? Pengurusan FELDA.....



En. Kamasri Mamat
Pengurusan Modal Insan FELDA

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur kehadiran Allah SWT yang telah memberikan kesempatan kepada saya untuk berkhidmat buat warga petugas FELDA. Saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada YBhg. Datuk Halim dan Prof. Madya Dr. Angzzas yang sudi memberikan peluang kepada saya menulis sepatah dua kata pengantar bagi penerbitan naskhah yang bermanfaat ini.

Sebagai Pengarah Pengurusan Modal Insan di FELDA, sudah menjadi tanggungjawab saya untuk mengutamakan kebajikan dan pencapaian petugas dalam tugas yang diberikan. Saya sentiasa meneliti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh FELDA khususnya dalam memenuhi misi dan visi FELDA sebagai sebuah organisasi untuk membangunkan warga FELDA. Sejak lebih 30 tahun berkhidmat di FELDA, saya telah melalui pelbagai fasa yang dialami oleh FELDA. Pada pandangan saya, FELDA memerlukan lebih ramai tenaga kerja yang sentiasa berfikir dan bersedia menongkah perubahan demi perubahan. Dalam dunia yang mengalami ketidak-tentuan, naik-turun, kompleks dan ketidak-pastian, kita sudah pasti hendaklah sentiasa bersedia mengadaptasikan organisasi dengan teknologi dan budaya



Dr. Nik Hasrul Mohd Zainudin

Pembangunan Komuniti & Generasi

Assalamualaikum,

Buku Anda Berhak Hebat (ABH) merupakan sebuah karya yang berjulang-julang kali dihasilkan merupakan sebuah karya yang sangat bermakna kepada warga FELDA keseluruhannya. Dalam tempoh 2 tahun seramai 4238 warga Peneroka dan generasi mendapat manfaat dalam Program Perubahan Minda yang diberi nama *Neuro-Linguistic Programming* (NLP).

Melihat program ini merupakan program “Tunjang” bagi program-lain seperti *Coding Robotic*, Sedekah 300, Smart Classroom, Wakaf FELDA, SPMS dan beberapa program yang dilaksanakan di FELDA harus bermula dari perubahan minda warga peneroka itu sendiri. Dalam tempoh 2 tahun warga FELDA dilihat telah mula sedar dan ingin memastikan FELDA terus maju dan berjaya.

Beberapa kenyataan “Ubah minda kita terlebih dahulu untuk kita ubah orang sekeliling kita”, “Minda kita harus berubah untuk menghasilkan sesuatu kejayaan pada masa akan datang” dan “Hanya diri sendiri boleh mengubah diri kita, orang sekeliling hanya sebahagian *support system* kita sahaja” sangat memberi impak yang sangat besar kepada warga FELDA.



Zul Amri bin Ibrahim,
Pegawai FELDA

Membaja Keberkatan dengan Berfikir

Mandat untuk berfikir

“Awak tahu dalam dunia ini berapa ramai orang yang berfikir?” Begitulah persoalan yang dilontarkan oleh YBhg. Tan Sri Idris Jusoh, Pengerusi FELDA kepada saya semasa beliau memanggil saya ke pejabat beliau bersama dengan Encik Kamasri, Pengarah Pengurusan Modal Insan FELDA. Masih terngiang-ngiang soalan tersebut di telinga saya sehingga kini. Persoalan yang saya sendiri tiada jawapan buatnya.

Saya biasa berhadapan dengan Pengerusi FELDA, atas kapasiti saya sebagai salah seorang pegawai di Jabatan Komunikasi Korporat (kini Jabatan Komunikasi Strategik). Maka, bukanlah sesuatu yang menggerunkan buat saya untuk berhadapan dan berbincang dengan orang No. 1 di FELDA. Tetapi aura yang dimiliki oleh insan yang cukup popular digelar sebagai Tok Yeh ini bukan calang-calang. Saya sendiri, walau sudah acap kali berhadapan



APA KATA MEREKA?

Petugas & Peneroka Felda....

Wilayah 1- Alor Setar

EN FISAL ABD AZIZ, KETUA PENEROKA

“Saya sangat bersyukur dan gembira apabila Program NLP ANDA BERHAK HEBAT diperkenalkan kepada warga FELDA terutamanya di Wilayah Alor Setar ini. Program yang padat dengan ilmu bagi mengubah minda dan diri untuk lebih berjaya. Dengan mengenali diri dan keupayaan diri, saya yakin semua peserta boleh melakukan yang terbaik untuk diri, keluarga dan FELDA demi agama, bangsa dan negara. Berbanyak terima kasih kepada pengurusan FELDA dan jurulatih yang menjayakan program hebat ini”.

PN HALIJAH WUSOF, Pengerusi GPW

“Saya terasa amat bertenaga, teruja dan fokus sepanjang program. Penyampaian santai tetapi disulam dengan pelbagai ilmu tentang minda yang amat bermanfaat. Betul kata Al-Quran, Setiap manusia adalah sebaik kejadian. Saya boleh berubah dan hanya saya yang mampu mengubahnya. Program NLP memang terbaik dan mantap. Terima kasih pengurusan FELDA Wilayah dan Ibu Pejabat atas program ini untuk warga komuniti”

EN AHMAD AFFENDY BIN KAMEH

“Ilmu NLP ini sangat menarik dan penyampaiannya santai dan bersahaja. Ilmu ini membina jati diri dan keyakinan dalam menguruskan kehidupan harian dan kesinambungan serta tambahan ilmu NLP ini amat perlu bagi para peserta lebih mendalami ilmu tersebut”.

PN PUSIAH BINTI DIN

“Program ini memberi kesan mendalam dan pengetahuan yang mantap, paling seronok ialah teknik mengurus emosi dan wayang minda. Saya sokong supaya program ini diikuti oleh generasi muda FELDA agar mereka berjaya dunia dan akhirat”.

EN ROSLAN BIN RASUL

“Program yang syok, saya sedar bahawa dengan menguasai minda

Wilayah 2- Gua Musang

WAN AZWADY BIN WAN ZIN

“Bantu untuk berkomunikasi dengan lebih efektif dan membina hubungan baik dgn agensi/individu lain, mengawal emosi dan meningkatkan kepercayaan diri, mencapai matlamat yang ingin dicapai, mengendalikan diri dalam kalangan masyarakat, membuang perkara negatif dalam minda dan Mempunyai semangat untuk sentiasa melakukan yang terbaik”

MOHD AZIZAN NAWI

“Ia memberi motivasi kepada diri kita dalam menghadapi cabaran yang tinggi dalam melaksanakan tugas harian. Yakin pada diri dan perlu sokongan untuk terus cemerlang dalam perkhidmatan”

MOHAMMAD SHAUKI BIN ABDUL NASIR

“Dapat menambah keyakinan diri semasa berkomunikasi semasa berkomunikasi di khalayak ramai, dapat menambah kesefahaman dan mengeratkan silaturrahim di antara kakitangan pejabat rancangan lain dan pejabat wilayah, dapat mendidik diri supaya lebih berdisiplin, amanah ,bertanggungjawab dan fokus dalam melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan oleh pihak atasan dan sentiasa berfikiran positif dan berfikir di luar kotak untuk mencapai sesuatu matlamat atau kejayaan”.

NOR AIN NADJWA CHE ALI

“Alhamdulillah, kursus yang dpt merangsang semangat kerja berpasukan..”

HAFIZIIN

“Kursus yg dapat membuka daya fikiran yang lebih kreatif dan inovatif. (Harap boleh buat lagi lepas ni)”

AHMAD FAKRU ROZI BIN MOHD ZAINAL

“Kursus yang sangat positif dan banyak memberikan cara berfikir dengan baik”.

Wilayah 3- Kuantan

ZULKARNAIN BIN ABD WAHAB

“Memberi kesedaran kepada diri saya dan perlu positif sentiasa untuk mencapai kejayaan”.

MUSHADDIN BIN ALI

“Menjadikan diri saya bermotivasi dan bersemangat serta yakin kepada diri sendiri”.

MUHAMAD AMIN BIN SARDI

“Amat baik untuk menjana dan membangkitkan motivasi diri dan dilaksanakan dalam komuniti setempat”.

NORHISHAM BIN ISMAIL

“Saya berasa yakin dengan diri dan berani untuk menjadi pemimpin yang hebat”.

NUR DIANA FAREHAN BINTI BAKAR

“Memberi kesan positif pada diri saya dan impak besar untuk perubahan diri.”

SITI NABILAH BINTI NASIP

“Membangkitkan motivasi dan semangat diri saya dan tidak mudah berputus asa serta kesan yang positif.

SITI MADINAH BINTI MOHAMAD ASLAM

“Saya mengetahui teknik berfikir dengan lebih jelas dan terbuka. Meningkatkan keyakinan diri dan membina *networking*”.

SAIFUL BAHTIAR BIN SAAD

“Sangat memberi motivasi kepada saya dan diterapkan pada diri saya dan keluarga”.

Wilayah 4- Jengka

“Generasi emas membuka tapak, anak muda meneruskan jejak, si pemuda mula ambil peduli, si pemudi mula mempamer kreativiti. Gabungan kebijaksanaan generasi pertama peneroka serta idea pembaharuan dari generasi seterusnya yang celik teknologi, sepakat membuktikan FELDA tidak ketandusan bakat untuk terus berdaya saing dan usaha merealisasikan impian *Fortune 500* bakal menjelma tidak lama lagi.”

HAMIMAH BINTI MOHD YUSOP

“Program ini harus diteruskan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat setempat. Ia memberi semangat kepada rakan yang ingin Bersama memperjuangkan dan membangunkan FELDA.”

MD. NORHISAB BIN MD YATIM

“Satu program yang baik. Dapat membuka minda dan membantu cara penyampaian dan berfikir lebih baik. Perlu diteruskan program ini kepada generasi yang akan datang.”

NURIHDAYAH BINTI AHMAD

“Saya belajar untuk mengawal emosi serta berfikir sebelum bertindak. Ia juga membantu saya untuk lebih mengenali diri sendiri dan orang sekeliling dan mendidik saya untuk lebih fokus dalam kehidupan.”

SUHADA BINTI MD SULOR

“Program ini menaikkan tahap keyakinan dan kepimpinan diri sendiri. Patut terus dilaksanakan program sebegini untuk generasi kedua dan seterusnya.”

Wilayah 5 - Johor Bahru

NOORHAYATI BINTI MOHD SAAT

“Meningkatkan jati diri dan kesedaran serta tanggungjawab kita terhadap masyarakat dan bangsa. Diharap banyak lagi program seperti ini di masa akan datang.”

MOHAMAD AL NURFATTAH BIN MOHD ZUHARI

“Saya semakin bersemangat dan positif. Sangat bagus dan perlu bagi orang muda.”

AZZAIDI BIN AHMAD

“Ibarat mendapat satu tamparan untuk menyedarkan kembali semangat yang hilang. Semoga dilakukan secara berterusan.”

KHALIFIFI BINTI DOLE ABDUL

“Akan lebih positif dan berkeyakinan saya hebat yeah...yeah... yeah. Menarik, seronok. Kalau diberi peluang untuk hadir lagi dalam seminar (NLP). Saya berbesar hati untuk hadir. Yeah.”

LATIFAH BINTI MOHD SABIRI

“Bertambah ilmu pengetahuan dan lebih bermotivasi. Program yang sangat membina kepimpinan diri, keluarga dan masyarakat”.

MOHAMAD HASBULLAH BIN ABDUL KHODIR

“Serba sedikit dapat membantu diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Program yang menyentuh jiwa dan membentuk keperibadian diri.”

NORAHARYIANA BINTI ABDUL MANAF

“Input yang ada boleh digunakan dan dikembangkan dalam bersama-sama melaksanakan gerak kerja dalam komuniti yang sangat mencabar sekarang ini. Terbaik dan pengisian modul yang boleh diterima dan mudah oleh semua petugas FELDA.”

Wilayah 7- Mempaga

“Komunikasi yang merupakan salah satu dari tonggak NLP diamalkan secara *hands on* dan bukan setakat teori. Menggunakan sepenuhnya aplikasi VAK, para peserta sangat teruja serta menyebabkan ruang beraktiviti menjadi sangat interaktif. Melalui sendiri pengalaman bagaimana model komunikasi NLP beroperasi, peserta merasai sendiri bagaimana penyampaian maklumat menggunakan teknik yang betul bisa memudahkan audiens menerima serta memahami intipati maklumat yang dituturkan.”

NURSAIDATUL NISHA

“Isi program ini dapat diaplikasikan dalam kehidupan. Ianya perlu dibuka kepada masyarakat dengan lebih meluas terutama kepada remaja.”

HAIRI BIN AHMAD

“Memberi kesan yang baik dalam cara pemikiran menggunakan ‘minda’ yang betul. Sepatutnya semua ketua dalam setiap pertubuhan FELDA menghadiri program ini.”

NOOR SUAHLA BINTI ISMAIL

“Selain lebih berkeyakinan untuk melakukan kerja sukarelawan dalam rancangan, ia juga membantu saya untuk menambahbaik idea dan cadangan. Program ini sangat bagus dalam membentuk jati diri dan generasi baru yang lebih berketerampilan.”

Wilayah 7- Raja Alias

RAMLI BIN AMIR

“Semangat dan rasa bersalah atas diri sendiri selepas apa yang telah berlaku. Sangat teruja dan sangat membuka minda, perasaan, dan, hati yang keras selama ini.”

FARIDAH BINTI MUKRI

“Program ini telah membuka minda saya yang selama ini untuk bersuara dan meluahkan rasa dihati.”

ROGAYAH BINTI ARSHAD

“Ilmu yang hebat. Sangat baik dan cemerlang.”

NORSILA BINTI CHE SOH

“Memperbaiki prestasi Kemahiran kerja secara kumpulan dan individu. Boleh diteruskan kepada semua petugas felda secara berterusan.”

MOHAMMAD LUKMANUUL HAKIM BIN ABDUL RAHIM

“Befikiran lebih positif dan menjaga tutur kata. Bagus dalam memberi peringatan kepada diri sendiri supaya lebih berkeyakinan.”

SITI ZALINAH BINTI MOHAMED ANUAR

“Banyak maklumat yang saya dapat bagi mengubah minda, pemikiran dan kelakuan saya. Bagus dan patut diteruskan”

MARIAM BINTI ADON

“Lebih bersemangat untuk meneruskan kerja di akhir perkhidmatan. Mesti diteruskan terutama pada generasi muda dan petugas-petugas/ staf felda yang lain-lain.”

JULAIHA BINTI KASIM

“Lebih berfikiran positif dalam membuat sebarang keputusan, lebih mengenal diri dan karakter diri dan juga memberi semangat

Wilayah 8- Sahabat

SUHAIMI BIN YUSUF, PENGURUS FELDA, UMAS 2/3

“Sejujurnya Program NLP Anda Berhak Hebat Sangat bagus & bermanfaat untuk Kehidupan Harian serta tugas hakiki dalam merubah minda Negatif kepada Positif. Saya amat setuju kalau program NLP diteruskan demi meningkatkan Keyakinan & Keberanian diri dalam menjalankan tugas serta meneruskan kehidupan untuk berjaya.”

JAMALI BIN DULIH, PENOLONG PENGURUS

“Kursus NLP membimbing peserta yang mengikutinya bagaimana untuk membawa diri ke tahap yang lebih tinggi serta memprogramkan minda secara pantas untuk menggunakan informasi yang ada di dalamnya untuk membantu diri dalam kerjaya serta kehidupan seharian.”

AHMAD FATHULLAH BIN ABD.MALEK, PENGURUS SAHABAT 02

“Dengan NLP kita dapat mengenal pasti apa yang membuatkan seseorang itu amat berkebolehan atau berkemahiran dan mendapatkan kebolehan tersebut untuk diri sendiri atau mengajar kepada orang lain.”

AYUH BINTI HUSAIN, PENOLONG PENGARAH KANAN, FELDA WILAYAH SAHABAT

“Program NLP Petugas telah berhasil mengubah budaya kerja petugas kearah budaya kerja berprestasi tinggi. Memang Awesome !!!”

MD SHARIFFUDIN BIN RAMLAN, PENOLONG PENGURUS, FELDA SAHABAT 4 & 5

“Program Seminar NLP Petugas 2040 memberi motivasi kepada saya untuk lebih kreatif dan inovatif dalam mencapai Nilai FELDA iaitu MIGHT seterusnya merealisasikan Fortune 500 pada tahun 2040 kelak.”

Wilayah 9- Segamat

RUSDI BIN ABD RASHID

“Menjadikan saya lebih yakin dengan jawatan yang diberi. Apa yang dipelajari akan saya gunakan untuk diri saya dan orang sekeliling. Sangat bagus untuk semua lapisan Masyarakat.”

KAMARUDDIN BIN ABDUL KARIM

“Lebih teratur cara pemikiran dan membuat Keputusan. *Teamwork* yang lebih terancang. Pelbagai idea dapat dikongsikan. Boleh diteruskan pada masa akan datang.”

ZULKIFLI BIN AD RAHOB

“Program ini sangat relevan untuk diteruskan kerana ia memberi kesan yang baik dalam pengalaman untuk bertugas untuk bertugas dengan berkesan, kemahiran, keupayaan dan lain-lain. Tajuk ‘Anda Berhak Hebat 2.0’ amat sesuai ditetapkan dalam program ini supaya melahirkan pekerja yang berkemahiran dan berkompentensi.”

MOHAMAD HAZIM BIN IBRAHIM

“Membuka fikiran tentang kepentingan kerja berpasukan dan impak dari itu. Terbaik dan perlu diteruskan demi meningkatkan keyakinan petugas-petugas”

MUHAMMAD AMIRULLAH BIN BADARUNZAMAN

“Dapat diaplikasikan semasa kerja dan keluarga. Terutama mengolah teknik cakap. Berbeza dengan NLP 1.0, 2.0 ini lebih baik dan seronok”

ZULHELMI AIZAD BIN AHMAD

“Saya harap saya menjadi warga FELDA yang hebat selepas ini. Inshaallah kita merancang, Allah menentukan. Terbaik dapat memupuk jati diri dan kepercayaan diri. Semoga program ini mendapat keredhaan Allah S.W.T.”

Wilayah 10 Terengganu

MOHAMMAD ANUAR BIN MOHAMED ZAM

“Sepanjang saya terlibat dengan Program NLP ia sangat memberi manfaat serta kesedaran pada diri saya dan organisasi. NLP juga sangat membantu saya dalam menjalani kerja harian untuk meningkatkan mutu kerja. Kelebihan NLP adalah saya dapat mengenal pasti kelebihan pada diri saya dan juga kelemahan yang ada pada diri saya.”

ABDUL RAHMAN BIN MD RASHID

“Penyertaan saya pada program NLP telah memberikan ilmu baru berkaitan kekuatan dan kelemahan diri, menambah keyakinan untuk fokus dalam mencapai target dan sasaran. Kekuatan dan kelebihan yang terpendam dalam diri saya selama ini seakan-akan digerakkan, disedarkan dan dibangkitkan semula. Terima kasih kepada FELDA dan Coach-coach NLP bagi kursus-kursus NLP FELDA Wilayah Terengganu kerana telah memberikan pengalaman baru dan membangkitkan semangat luar biasa hasil daripada penyertaan saya pada kursus NLP ini.”

NAZIHAN AB GHANI

“Bagi pendapat saya sepanjang saya jadi urusetia NLP sgt berpuas hati dengan coach yang sangat-sangat *sporting* dan memahami situasi peserta kursus. Kursus NLP ini sebenarnya sangat-sangat membantu peserta dalam percambahan minda untuk menerajui kepimpinan rancangan dan sekaligus dapat menyampaikan info-terkini dari FELDA.”

AHAMADABERIDIN YAACOB

“Banyak perkara baru yang dipelajari..cara berfikir dan cara bertindak. Banyak membantu peserta dan juga diri saya.”

Wilayah 11- Trolak

FAIZAL, FWGM

“Setiap kali saya ingin lakukan sesuatu, saya mulakan dengan teknik NLP WAYANG MINDA dan ianya akan menjadikan kerja saya menjadi mudah. Apabila saya berdepan dengan masalah yang banyak, saya cuba bina bulatan dalam keadaan kosong, masuk dalam bulatan tu dan pasrah. Tak lama selepas itu masalah tadi selesai. Tak terfikir dengan akal. NLP memang HEBAT”.

EN NORDIN, FWTROLAK

“Ada seorang peserta berkata kepadanya, “saya ni jenis kalau masuk kursus mesti akan mengantuk dan tidur tapi kursus NLP ni lain macam la... tak sempat nak mengantuk dan saya jadi fokus. Memang BEST la kursus NLP ni.” Bagi Saya sendiri katanya kerja saya jadi lebih mudah sebab setiap kali ada apa-apa ISU yang timbul saya hanya akan kata “kan kita dah Belajar Dalam Kursus NLP.”

EN NORAZMAN BIN BAHARI, KETUA PENEROKA FELDA TROLAK UTARA

“Saya merasakan kursus NLP ini wajib diteruskan pada masa akan datang. Teknik *STEP IN DAN STEP OUT* dapat membantu saya kawal keadaan diri dan menjadikan saya lebih positif. Juga saya dapat gunakan bahasa yang betul saat berkomunikasi dengan orang lain”.

PN SURAYAWATI BINTI ISMAIL, PENERUSI GPW FELDA TROLAK UTARA

“Kursus NLP yang saya hadir banyak mengajar saya untuk lebih peka dengan keadaan sekeliling. BULATAN KECEMERLANGAN sangat hebat dan perlu dikuasai oleh semua orang. Terima kasih pengurusan Felda kerana membawa masuk NLP ke dalam Felda”.

Transformasi Minda

Warga FELDA *Anda Berhak Hebat*

Buku ini merupakan hasil karya inspirasi daripada pasukan jurulatih Neuro Linguistic Programming (NLP) terbaik di Malaysia yang bersama-sama memacu perubahan minda dan semangat warga FELDA. Melalui program transformasi yang bermula sejak tahun 2020 hingga 2024, karya ini membawakan kisah revolusi yang mengubah cara berfikir, bertindak, dan mencapai kejayaan sehingga ke tahap Fortune 500 tahun 2040.

Di dalamnya, anda akan menemui pelbagai kisah inspirasi, strategi berkesan, dan teknik NLP yang telah berjaya diaplikasikan untuk meningkatkan daya saing komuniti FELDA. Buku ini bukan sahaja koleksi motivasi malah ia merupakan panduan praktikal bagaimana menerapkan semangat daya tahan, keberanian, dan kesungguhan warga FELDA untuk melangkah lebih jauh.

Dari asas potensi diri hingga ke pencapaian luar biasa seperti 30 tan hasil dan program WAKAF, setiap bab menyentuh pelbagai aspek kehidupan, kerjaya, dan pembangunan diri. Ditulis oleh pelbagai tokoh dan jurulatih NLP berpengalaman, buku ini menjadi sumber rujukan yang wajib dimiliki oleh sesiapa sahaja yang ingin mengubah hidup mereka menjadi lebih hebat.

Ayuh, mari bina masa depan yang lebih cerah dan kehidupan yang lebih bermakna bersama semangat juang warga FELDA. Anda juga berhak hebat!



ISBN 978-629-490-172-8

0 8 9 0 0



9 786294 901728

PENERBIT
UTHM

